

31/07/2002

Melayu perlu berdikari jika mahu dihormati

KUALA LUMPUR, Selasa - Orang Melayu perlu mengubah sikap dengan tidak terus mengharapkan hak keistimewaan jika mereka mahu menjadi bangsa yang berdikari pada masa depan.

Beberapa tokoh yang dihubungi hari sependapat dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa orang Melayu tidak harus selamanya bergantung kepada 'tongkat' jika ingin menjadi bangsa yang dihormati.

Bekas Ketua Pengarah Institut Kemajuan Islam Malaysia, Datuk Dr Ismail Ibrahim, berkata orang Melayu perlu mengubah sikap dan berpandangan jauh dalam segala hal supaya mampu menjadi bangsa yang bermaruah dan disegani.

Katanya, hak keistimewaan orang Melayu diperkenalkan dulu bagi membantu mereka menyesuaikan diri dengan arus pembangunan supaya mampu berdaya saing dengan bangsa lain.

Bagaimanapun, selepas orang Melayu mendapat bantuan untuk memulih dan membangunkan ekonominya, mereka harus berdikari tanpa mengharapkan keistimewaan lain.

"Ibarat orang sakit yang diberi tongkat, mereka guna sepenuhnya dan akan buang selepas sihat. Begitu juga orang Melayu yang sudah diberi hak keistimewaan tidak perlu terus bergantung kepada kerajaan semata-mata.

"Mereka perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan diri," katanya.

Perdana Menteri berkata, dilema orang Melayu sekarang ialah sama ada mereka perlu terus bergantung kepada hak keistimewaan yang melindungi mereka untuk menjadi bangsa maju dan setanding bangsa lain atau sebaliknya.

Beliau menyamakan keistimewaan Melayu sekarang sebagai tongkat untuk golongan cacat dan hanya ada segelintir orang Melayu berani dan yakin untuk mencapai kemajuan tanpa bantuan tongkat itu, bilangannya amat kecil.

Sementara itu, Pengerusi Yayasan Basmi Kemiskinan yang juga Ahli Dewan Undangan Batang Kali, Datuk Zainal Abidin Sakom, berkata orang Melayu tidak seharusnya terlalu manja kerana ia akhirnya memusnahkan diri serta menjadikan mereka tidak berkualiti dan produktif.

Dengan memberikan contoh mukjizat yang hanya diberikan kepada nabi-nabi dalam keadaan tertentu saja, beliau berkata orang Melayu tidak harus selamanya bergantung kepada hak keistimewaan disediakan kerajaan.

Katanya, Nabi Musa yang mendapat tongkat mukjizat hanya menggunakannya dua kali dan itu pun dalam keadaan yang amat memerlukan.

"Kali pertama, Nabi Musa gunakan tongkat mukjizat untuk menewaskan ular ahli sihir Mesir dan kedua ketika membelah Laut Merah. Saya yakin jika mukjizat kerap sangat digunakan ia tidak akan berfungsi lagi dan sudah tidak ada apa-apa keistimewaannya lagi," katanya.

Pensyarah Kanan Jabatan Sejarah Fakulti Sains Sosial Universiti Malaya, Prof Dr Mohd Adnan Nawang, berkata orang Melayu seperti bangsa lain tidak lemah dan mampu untuk meningkatkan diri jika diberi peluang seluas-luasnya.

Katanya, orang Melayu perlu meneruskan hidup jika mereka diberi peluang tanpa sebarang dasar kerajaan yang tidak menyebelahi pihaknya.